

“MANSAU-ANSAU BORNEO TRAIL”: MENDALAMI BUDAYA DAN ALAM SEMULA JADI DI JALURAN TAMBUNAN

TAMBUNAN, 7 Disember 2025 – Tourism Malaysia Sabah telah menganjurkan lawatan ke Daerah Tambunan, Sabah pada 6 hingga 7 Disember 2025. Daerah ini terkenal dengan 'The Switzerland of the East' kerana keindahan alam semula jadi. 'Mansau-Ansau' dalam Kadazan Dusun bermaksud melancong atau bersiar-siar. Lawatan ini disertai oleh dua wakil agensi pelancongan dan dua media tempatan bertujuan mempromosikan pelancongan domestik, khususnya di kawasan pedalaman Sabah.

Lawatan edisi ketiga ini memfokuskan pengalaman pelancongan desa di Kampung Sunsuron Homestay yang menawarkan jamuan tradisi kaum Kadazan Dusun. Peserta turut menginap bersama komuniti Dusun sambil mengunjungi tapak budaya unik seperti 'Rumah Tengkorak', diikuti dengan kunjungan ke Air Terjun Mahua (Hutan Simpan Crocker Range), 'Rafflesia Information Centre' dan Sinurambi Viewing Point (menara wakid 14 meter). Tumpuan aktiviti lasak di Kawang-Kawang Canyon ini memperlihatkan potensi besar penglibatan komuniti Kampung Tiong dalam pelancongan berasaskan alam di kawasan pedalaman Sabah.

"Kita membawa wakil agensi pelancongan dan media tempatan untuk mengalami *experimental tourism* serta mendekati adat dan budaya tempatan terutamanya di Sabah yang terkenal dengan *Community-Based Tourism (CBT)*," jelas Cik Haryanty Abu Bakar, Pengarah Tourism Malaysia Sabah. Beliau turut menambah bahawa lawatan ini merupakan strategi Tourism Malaysia untuk menembusi dunia digital kerana penggiat media memainkan peranan penting memperkenalkan produk pelancongan melalui konsep *travel and storytelling* yang berimpak tinggi.

Sasaran utama kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) ialah mencapai 47 juta ketibaan pelawat antarabangsa. Program lawatan 'Mansau-Ansau Borneo Trail' ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan **Tourism Malaysia mempromosikan destinasi domestik sebagai persiapan Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026)**. Tourism Malaysia yakin sasaran ini dapat dicapai melalui kerjasama utuh semua pihak berkepentingan. Justeru, **kejayaan misi nasional ini didorong oleh persembahan Malaysia sebagai destinasi unik dan usaha mempromosikan pelancongan di kawasan luar bandar di Sabah.**

TAMAT

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa. Penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026 bakal meraikan kelestarian industri pelancongan negara seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG).

Selain itu, Tourism Malaysia turut menyokong Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) ke arah merealisasikan Tahun Melawat IMT-GT 2023-2025 bagi mempromosikan wilayah serantau sebagai destinasi pelancongan tunggal. Untuk maklumat lanjut, layari akaun media sosial Tourism Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Fariza Zakaria Pegawai Pelancongan Tourism Malaysia Sabah fariza@tourism.gov.my Tel: +608 821 1732	Norshariza Mohd Saad Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat norshariza@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8775
--	---